

20 JAN 2003

Lead Mahathir-Lubnan (Bergambar)/I

BANTUAN M'SIA BAGI LUBNAN MENJADI KENYATAAN DENGAN KETIBAAN DR M

Oleh: Azman Ujang

BEIRUT, 20 Jan (Bernama) -- Program bantuan yang dijanjikan oleh Malaysia bagi membina semula Lubnan menjadi kenyataan hari ini apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di negara Asia Barat itu yang ekonominya musnah selepas perang saudara selama 15 tahun.

Lawatan dua hari itu adalah susulan kepada pengumuman Kuala Lumpur baru-baru ini untuk menawarkan pinjaman RM1.145 bilion kepada Lubnan dalam membina semula ekonominya dengan keutamaan yang diberikan oleh Dr Mahathir bagi program itu dapat dilihat daripada tokoh korporat dan politik yang mengiringinya.

Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri yang dalam temubual sebelum ini mengakui "menyegani dan menyanjungi" Dr Mahathir, menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali selepas jet khas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Beirut pada pukul 12.30 tengah hari (6.30 petang waktu Malaysia).

Ketibaan Dr Mahathir disiarkan secara langsung melalui rangkaian televisyen Lubnan.

Dr Mahathir semasa menghadiri satu persidangan khas mengenai pembinaan semula Lubnan di Paris pada November lepas mengumumkan pakej bantuan kewangan yang menjadikan Malaysia penyumbang ketiga terbesar bantuan bagi memulihkan ekonomi negara itu selepas perang saudara tamat pada 1990.

Pinjaman terbesar dijanjikan oleh Arab Saudi bernilai US\$700 juta (RM2.66 bilion) dan Perancis sebanyak US\$500 juta (RM1.9 bilion).

Selain daripada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri-menteri Kanan seperti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (Pengangkutan), Datuk Seri S. Samy Vellu (Kerja Raya) dan Datuk Amar Leo Moggie (Tenaga, Komunikasi dan Multimedia) turut mengiringinya bersama tokoh-tokoh korporat seperti Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Petronas Tan Sri Hassan Marican, Pengerusi Kumpulan Syarikat Usaha Tegas Ananda Krishnan dan pengerusi Kumpulan RHB Tan Sri Rashid Hussain.

Yang lain termasuk ahli perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar Al Bukhary, CEO Telekom Malaysia Datuk Dr Khir Abdul Rahman, Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Samsuddin Hitam.

Para anggota delegasi Malaysia dan rakan-rakan mereka di Lubnan akan bertemu di sini dalam tempoh dua hari lagi untuk membincangkan cara mengagihkan pinjaman itu.

Semasa persidangan di Paris itu yang dianjurkan oleh kerajaan Perancis, Syed Hamid berkata dalam program pembinaan semula Lubnan Malaysia diharap dapat menyumbangkan kepakarannya dalam teknologi maklumat (IT) dan pelancongan.

Lubnan, dengan kedudukan strategik di benua itu pada satu ketika dahulu merupakan pusat kewangan dan perniagaan yang berkembang maju dan diibaratkan sebagai sebagai Paris Asia Barat, menerima bantuan besar daripada masyarakat antarabangsa dengan negara-negara peminjam melupuskan hampir US\$31 billion (RM118 bilion) daripada hutang antarabangsa negara itu.

Dr Mahathir berkata di persidangan Paris itu bahawa pinjaman baru yang ditawarkan oleh negara-negara akan membantu Lubnan yang mempunyai penduduk seramai tiga juta orang untuk mengurangkan lagi beban hutangnya.

Selepas tiba, Dr Mahathir dan Hariri dijadual menjamu selera di Istana

Koraytem di mana tetamu negara itu akan menginap.

Ini akan disusuli oleh pertemuan empat mata di pejabat Hariri sebelum anggota delegasi memulakan perbincangan mengenai butir-butir program itu.

Kemudian, mereka dijangka mengadakan persidangan berita bersama selepas tengah malam waktu Malaysia.

Hariri pernah melawat Malaysia secara peribadi dan rasmi berberapa kali, dan yang terakhir adalah pada tahun lepas.

Program hari pertama Dr Mahathir berakhir dengan majlis makan malam bersama Presiden Lubnan, Emile Lahoud, di istana presiden yang dikenali sebagai "Baabda".

Di majlis makan malam itu Lahoud mengurniakan Dr Mahathir pingat `The national Order of The Sedar (Grand Cordon).

Perdana Menteri Lubnan itu memandu sendiri kereta yang membawa Dr Mahathir dan isterinya ke istana bagi majlis makan malam itu.

-- BERNAMA

AU AHH PR